

HUBUNGI SKUAD JOHOR, MELAKA & NEGERI SEMBILAN: MOHD FIRDAUS YON - 019-7906796, JEFFRI RAZALI - 010 - 5625516, SARINAH MAT KASSIM - 019-6202383

Tiga kategori jadi rebutan

Avillion Cultural Ride 2018 bakal berlangsung pada Ahad ini

NORAFIDAH ASSAN

PORT DICKSON

Avillion Hotel Group bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad sekali lagi menganjurkan Avillion Cultural Ride 2018, pada Ahad ini.

Acara yang dinanti-nantikan ini bakal menarik perhatian peserta selain memberikan pengalaman menarik di sepanjang perjalanan yang dilalui mereka.

Pengarah Avillion Berhad, Datuk Faisal Zelman berkata, acara santai ini melibatkan tiga kategori iaitu 30 Kilometer Fun Ride, 60 Kilometer Scenic Ride dan 160 Kilometer Endurance Ride.



Faisal (lima, kiri) bersama penaja Avillion Cultural Ride 2018.

durance Ride.

“Kesemua peserta akan mula dan berakhir di Avillion Cove Port Dickson yang mana semua peserta akan menerima baju T eksklusif, medal, makanan, insurans, sijil penyertaan dan cabutan bertuah juga turut diadakan.

“Bagaimanapun, akan ada hadiah istimewa kepada kumpulan yang banyak penyertaan dan jersi terbaik untuk kumpulan ataupun individu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Avillion Cultural Ride 2018 di Avillion Admiral

Cove Port Dickson, semalam.

Hadir sama Pengarah Eksekutif Avillion Berhad, Yulina Baharuddin dan wakil penaja daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad, MAA group dan Mimpim Matamoon.

Faisal berkata, pihaknya sangat berbangga untuk menjadikan pelancongan di Port Dickson.

info

Pertandingan libat 3 kategori iaitu 30 Kilometer Fun Ride, 60 Kilometer Scenic Ride dan 160 Kilometer Endurance Ride

dan tuan rumah acara berbasikal ini.

“Negeri Sembilan terkenal dengan keunikan budaya berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia sejak pengajuran program kali kedua ini. Kami berbangga untuk menyerlahkan keunikan budaya Negeri Sembilan.

“Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penaja bersama iaitu Sime Darby Auto Connexion, 100 plus, F&N Ice Mountain, Nestle Fitness, Milo, Kapal Api, N8 Rosegate, Indadi dan CyclingMalaysia,” katanya.

Katanya, pihaknya berharap program ini dapat menjadi acara antarabangsa yang menarik sambil mempromosikan sukan pelancongan di Port Dickson.